

KEFAHAMAN OBJEKTIF: LATIHAN 4

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pagi Ahad itu saya sedang duduk di sofa sambil menonton televisyen. Ibu saya sedang menyiapkan minuman di dapur. Kami menunggu ayah saya pulang dari bersolat Subuh di masjid An-Nur yang terletak tidak jauh dari rumah kami di Woodlands. Saya terdengar ibu saya memanggil saya, "Rimi, tolong ibu letakkan kopi dan cawan-cawan di meja. Sebentar lagi ayah engkau akan pulang. Dia telah berjanji untuk membeli lontong untuk kita bertiga bersarapan."

Sebaik sahaja ibu saya berkata demikian, saya terdengar pintu rumah dibuka dan orang memberi salam.

"Itu pun ayah engkau sudah pulang," kata ibu saya.

Ayah saya berjalan menuju ke meja makan dengan membawa dua beg plastik sambil berkata, "Ayah belikan engkau lontong kegemaran engkau itu dan roti perata telur untuk ibu engkau. Mari kita berasarapan sama-sama."

Ayah saya meletakkan surat-surat khabar "The Sunday Times" dan "Berita Minggu" di meja makan. Ayah saya membaca Berita Harian sambil bersarapan. Saya meminta izin untuk membaca The Sunday Times. Alangkah terperanjatnya saya melihat di halaman hadapan surat khabar itu tersiar berita dan gambar-gambar yang menggemparkan.

"Ayah lihat ini. Bencana di Aceh! Tsunami. Beribu-ribu orang yang terkorban dan Aceh musnah," kata saya dalam keadaan terperanjat.

Aceh di Indonesia telah musnah kerana Tsunami. Tsunami telah berlaku tanpa **amaran**. Mereka yang tidak sempat berlari untuk menyelamatkan diri masing-masing telah terkorban.

Selepas kami bersarapan, kami bertiga menonton siaran "Channel News Asia" untuk dapatkan maklumat yang lanjut. Sambil menonton televisyen dalam keadaan sedih itu, saya bertanya ayah saya, "Apakah yang kita boleh buat, ayah? Bagaimana dapat kita membantu mangsa-mangsa itu?"

"Kita hanya dapat membantu mereka yang terselamat dengan apa sahaja yang kita terdaya dan mampu," jawab ayah saya dengan perlahan.

ARAHAN:

Jawab item-item berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai isikan angka jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang diberi.

- 1 Pada pagi Ahad itu, Rimi menonton televisyen _____.
 (1) sambil membaca surat khabar
 (2) sementara menunggu ayahnya pulang
 (3) selepas ibunya siapkan sarapan mereka
 (4) semasa ibunya siapkan lontong untuk mereka ()
- 2 Ayah Rimi tiada di rumah kerana dia _____.
 (1) bersolat di masjid yang berdekatan
 (2) pergi beli surat khabar untuk dibaca
 (3) pergi melihat bencana Tsunami di Aceh
 (4) pergi membeli sarapan untuk mereka bertiga ()
- 3 Ayah Rimi membelikan anaknya itu _____.
 (1) lontong kegemarannya
 (2) roti perata kegemarannya
 (3) surat-surat khabar untuk dibaca
 (4) lontong dan roti perata kegemarannya ()
- 4 Bencana yang berlaku di Aceh itu telah menyebabkan beribu-ribu orang terkorban, Rimi berasa _____.
 (1) pelik
 (2) hairan
 (3) kagum
 (4) terharu ()
- 5 Perkataan **amaran** dalam petikan bermaksud _____.
 (1) ugutan
 (2) nasihat
 (3) hasutan
 (4) peringatan ()